

Temukan pentadbir agama Islam, ahli akademik

Meja bulat bincang budaya berwakaf

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL

utusanN9@utusan.com.my

■ SEREMBAN 16 DIS.

PUSAT Pembangunan Pembiayaan Wakaf (PPPW), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah berjaya menganjurkan Diskusi Meja Bulat antara universiti itu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), di Nilai baru-baru ini.

Dengan bertemakan Peningkatan Kesedaran dan Pembangunan Projek Wakaf, program yang dilangsungkan di Dewan Senat, Bangunan Canselori USIM itu dihadiri 60 peserta dari institusi pengajian tinggi, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Majlis Agama Islam Negeri Johor, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Yayasan Universiti Multimedia.

Pengarah PPPW, Prof. Datuk Dr. Mohammad Alias yang mem-

perkerusikan Diskusi Meja Bulat itu menjelaskan banyak persoalan dan input telah dikemukakan peserta.

“Antara pandangan yang disampaikan ialah berkaitan institusi istimewa iaitu institusi zakat dan wakaf. Zakat menyelesaikan masalah sumber manusia manakala wakaf membangunkan budaya dan tamaddun,” katanya di Nilai, dekat sini baru-baru ini.

Katanya, peserta juga bersetuju tentang pentingnya diadakan kempen meningkatkan kesedaran untuk berwakaf.

“Mengambil contoh amalan berwakaf di beberapa negara, kesedaran untuk berwakaf itu mula diterapkan dalam kalangan murid di sekolah lagi.

“Pendekatan yang asas adalah menerangkan kepada kumpulan sasaran manfaat wakaf itu bukan di dunia sahaja tetapi hingga ke akhirat.

“Diskusi Meja Bulat itu dapat memberi impak positif di samping menggalakkan dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bu-

daya berwakaf,” ujarnya.

Program yang diadakan selama sehari itu telah menjemput tokoh korporat seperti Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), Tan Sri Muhammad Ali Hashim, yang merupakan sebagai pengucap utama dengan tajuk *Global Resurgence of Interest on Waqf: Locking Opportunities*.

Pembentang lain ialah Ahli Lembaga Pengarah UniSZA, Mohammad Sahar Mat Din; Pengarah Islamic Endowment Fund IIUM, Mohammad Shamsul Azhar Mohd. Yusof serta dua penyelaras PPPW, Prof. Madya Dr. Asma Abdul Rahman dan Dr. Fuadah Johari.

Bengkel itu diadakan untuk mengenalpasti kaedah memasyarakatkan budaya bersedekah atau *culture of giving*.

Selain itu, objektif diskusi meja bulat berkenaan untuk mengenalpasti cabaran dan jalan penyelesaian dalam mengaplikasikan penguurusan wakaf di institusi pengajian tinggi di negara ini.



MUHAMMAD ALI HASHIM (tiga dari kanan) bersama peserta selepas Diskusi Meja Bulat antara USIM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Sultan Zainal Abidin dengan tema Peningkatan Kesedaran dan Pembangunan Projek Wakaf di USIM, Negeri Sembilan, baru-baru ini. Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah (tengah).